

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Fax 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## BANK ISLAM SUMBANG 2 BUAH VAN BAGI KEGUNAAN MASYARAKAT SETEMPAT DI KELANTAN DAN SABAH

**PENGKALAN CHEPA, Ahad, [2 Februari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) menyerahkan sumbangan zakat berupa sebuah van jenazah bernilai RM153,663 kepada Masjid As-Salam Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan bagi memudahkan urusan pengebumian penduduk kariah berkenaan.

Van jenazah tersebut diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed kepada Pengerusi Ahli Jawatankuasa Induk Masjid As-Salam, Tuan Haji Rosnazli Haji Amin di perkarangan Masjid As-Salam, Pengkalan Chepa, Kelantan dalam satu majlis ringkas yang diadakan pada Jumaat lalu. Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Tuan Haji Zulkifle Ab Rahman, dan Pengurus Besar Hubungan Strategik Bank Islam, Ustaz Mohd Nazri Chik.

Encik Mohd Muazzam berkata, “Bank Islam telah bertapak dan berkembang maju di Kelantan sejak 36 tahun lalu. Sepanjang tempoh tersebut, Bank Islam telah menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan penyelesaian kewangan patuh Syariah kepada masyarakat setempat, selain menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negeri.”

“Hasil daripada kesejahteraan perniagaan Bank Islam, kami mengagihkan zakat perniagaan berjumlah kira-kira RM4.5 juta dalam tempoh 10 tahun lalu, khusus bagi pembangunan ummah di Kelantan. Sebagai sebuah bank yang mendahulukan kemakmuran untuk semua, Bank Islam sentiasa peka terhadap keperluan masyarakat,

khasnya golongan yang kurang bernalasib baik, dan menyumbang terhadap kelestarian alam sekitar."

Mohd Muazzam menambah, "Sehubungan itu, Bank Islam berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan terbaik yang bukan sahaja memenuhi keperluan segenap lapisan pelanggan, tetapi juga menghasilkan nilai kepada semua pihak berkepentingan. Usaha ini seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat dan alam semuajadi."

Selain van jenazah yang disumbangkan kepada Masjid As-Salam, Bank Islam juga akan menyerahkan sebuah van serbaguna kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di Sabah untuk dimanfaatkan bagi kerja-kerja kebajikan dan sosial yang dianjurkan. Penyerahan van yang bernilai RM167,182 itu akan disempurnakan dalam masa terdekat.

Untuk maklumat lanjut,sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------